



02 JAN, 2025

Golongan B40 akan jadi lebih susah

Sinar Harian, Malaysia



Golongan B40 akan jadi lebih susah

SAYA ingin mempersoalkan akan keperluan untuk menaikkan tarif elektrik sedangkan rakyat kini dibelenggu masalah kos sara hidup?

Adakah syarikat yang bertanggungjawab dalam mengelola hal berkaitan elektrik ini sanggup melihat kebanyakan rakyat (B40) menjadi lebih susah?

Sebagai sebuah syarikat yang memonopoli sektor ini, saya harap kalian (pihak atasan) tidak membuat keputusan kerana mahu mengejar keuntungan semata-mata.

Kalian sepatutnya, bersama dengan kerajaan dalam membela nasib rakyat



yang kini berdepan dengan kenaikan kos sara hidup.

Sepatutnya, 2025 ini menjadi tahun melegakan buat rakyat tanpa perlu berasa gusar terhadap sesuatu 'bebani' yang bakal ditanggung.

Saya sangat tidak ber-setuju jika kenaikan tarif elektrik ini memberi kesan kepada rakyat khususnya B40 dan M40.

Diharapkan pihak yang terlibat dapat mempertimbangkan semula cadangan untuk menaikkan tarif elektrik pada Julai 2025.

Peniaga, Mohd Hamdan Zolkifli, 38